

# Perak Corp nafi tipu aset tanah

Tuduhan Pengarah Paramount Grace berniat jahat, tak berasas

Oleh Alzahrin Alias  
[zahrin@bh.com.my](mailto:zahrin@bh.com.my)

**Perak Corp Bhd** menafikan tuduhan penipuan dan tidak mendedahkan aset oleh Pengarah Paramount Grace Sdn Bhd, Paramjit Singh Gurbachan Singh.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia semalam, Perak

Corp berkata, tuduhan dibuat oleh Paramjit adalah berniat jahat dan tidak berasas.

“Syarikat sudah membuat laporan polis berhubung tuduhan dibuat oleh Paramjit.

“Buat masa sekarang, syarikat sedang mendapatkan nasihat undang-undang berhubung tuduhan berniat jahat dan kenyataan tidak tepat oleh Paramjit serta akan membuat pengumuman sewajarnya apabila tiba masanya,” kata Perak Corp.

Kenyataan dibuat bagi memberi maklum balas kepada laporan The Edge Malaysia yang diterbitkan dalam edisi mingguan 4 hingga 10 September 2023 yang bertajuk ‘More allegations of fraud against Perak Corp’,

Menurut laporan itu, pada 19

Ogos lalu, Paramjit memfailkan aduan di Balai Polis Travers berhubung penipuan membatikan aset tanah Perak Corp, yang didakwa dimiliki syarikat itu di bawah skim pengaturan pemiutang seperti diumumkan kepada Bursa Malaysia pada Disember 2020.

## Fail aduan kepada SC

Paramjit turut memfailkan aduan kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) selain menulis surat kepada Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad dan Setiausaha Agung DAP, Anthony Loke Siew Fook.

Ia berhubung perjanjian jual dan beli dimeterai antara Perak Corp dan Kim Poh Sitt Tat Feedmill Sdn Bhd yang diumumkan

pada 9 Ogos lalu, untuk melupuskan sebidang tanah pegangan pajakan, berkeluasan 110 ekar di Kampar pada harga tunai RM5.5 juta.

“Kami mahu menyatakan bahawa semua harta dalam syarikat, termasuk tanah pertanian pegangan pajakan 110 ekar di Kampar dipegang di bawah H.S (D) 13618 PT 32665, telah termasuk dengan sewajarnya dalam kenyataan penjelasan bertarikh 26 Mac 2021 bagi cadangan skim pengaturan berasaskan akaun pengurusan Perak Corp setakat 26 Mac 2021,” kata Perak Corp.

Paramount Grace adalah satu daripada pemiutang Perak Corp. Ia diberikan kontrak kerja mekanikal dan elektrik di Movie Ani-

mation Park Studios (MAPS), yang dikendalikan oleh Animation Theme Sdn Bhd, yang mana 51 peratus kepentingan dimiliki oleh Perak Corp menerusi PCB Development Sdn Bhd.

Pada pertengahan Disember 2020, Paramount Grace dimasukkan dalam skim pengaturan pemiutang selepas Perak Corp jatuh ke dalam status Nota Amalan 17 (PN17) pada Februari 2020.

“Kami menekankan bahawa skim pengaturan Perak Corp dan PCB Development (dalam kecairan sukarela pemiutang) telah dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi Malaya pada 7 Mei 2021, yang terikat ke atas semua skim pemiutang masing-masing,” tegas Perak Corp.